

Sumbangan emas, perak dan gangsa daripada pesilat kita

16 SEP 1987

PESILAT wanita Singapura, Hazrah Khanam, berjaya merangkul pingat emas dalam pertandingan bagi Kelas A Wanita (40-45 kg) dengan mengalahkan Rina Widayati dari Indonesia, di Dewan Pusat Belia Jakarta Timur.

Seorang lagi pesilat wanita, Badriah Hosni (Kelas B) dan pesilat lelaki Mohd Anwar Abdul Aziz, juga Kelas B, berjaya mendapatkan pingat perak bagi Singapura setelah tewas dalam pertandingan akhir masing-masing.

Tiga pesilat lelaki — Azman Amat, Azrin Rahim dan Salihuddin Yaakob — mengutip pingat gangsa.

Badriah berjaya memberikan tentangan ke atas lawannya, Tri Wahyuni dari Indonesia, Mohd Anwar pula tewas dengan *tko* oleh Joko Widodo dari Indonesia dalam pusingan kedua perlawanan tiga pusingan itu.

Hazrah, yang ditemui sejurus selesai upacara penyampaian pingat, memberitahu bahawa beliau mulanya gugup sedikit dan lebih banyak bertahan dalam pusingan pertama.

Tetapi beliau kembali melancarkan serangan dalam pusingan kedua dengan pukulan-pukulan sepak dan tusukan yang tepat mengenai dada dan rusuk Rina.

Serangan-serangan balas Rina juga mengenai sasaran, tetapi tidak cukup kencang untuk melemahkan Hazrah, yang kelihatan lesu sedikit kerana diserang cica sejak dua hari lalu.

Dalam pusingan ketiga, Hazrah tidak memberi peluang kepada lawannya dengan terus melepaskan tendangan dan pukulan yang tepat hingga memaksa Rina bertindak pantas.

Dalam berbuat demikian, Rina membuat pukulan *foul* mengenai muka Hazrah dan beliau diberi amaran pertama oleh pengadil.

Peluangnya untuk memenangi pingat emas mula terbangkit di saat-saat akhir pusingan ketiga apabila Rina tidak lagi dapat bertahan dan membiarkan saja dirinya diaskat.

Awal dari itu, dalam pertandingan Kelas A Lelaki, Mohd Anwar, yang berhadapan dengan musuh lamanya, Joko Widodo, terpaksa menyerah kalah apabila pukulan-pukulan Joko tidak berjaya lagi ditangkisnya.

Penasihat jurulatih pasukan silat Singapura, Hosni Ahmad, meminta pengadil menghentikan pertandingan itu kerana sudah jelas bahawa pesilat Singapura itu tidak terdaya lagi untuk meneruskan pertandingan.

Joko, penyandang gelaran

Kelas B dalam pertandingan Silat Antarabangsa 1984 di Indonesia, menari-nari di tengah gelanggang setiap kali setelah melepaskan pukulan.

Pertandingan itu dimulakan dengan perlawanan bagi Kelas B Wanita, di antara Badriah Hosni dengan Tri Wahyuni dari Indonesia.

Dalam pada tersenyum itu, Tri menunjukkan kecekapannya dengan menjatuhkan Badriah dalam pusingan pertama, tetapi pesilat Singapura itu berjaya mengumpulkan semula tegagannya untuk meneruskan perlawanan.

Pukulan Tri itu, mungkin membangkitkan semangat Badriah kerana sebaik saja bingkas, Badriah melepaskan pukulan-pukulan dan tendangan yang terus mengenai dada Tri.

Dalam pusingan-pusingan kedua dan ketiga, pertandingan berjalan dengan rancaknya dengan masing-masing pesilat berjaya melepaskan pukulan tepat sasaran, tetapi ternyata lebih lincah dan lebih banyak membuat pukulan.

Keputusan pengadil memang dijangkakan. Empat pengadil memberikan kemengangan kepada Tri, sementara seorang kepada Badriah. —

Oleh JABBAR HANIEF